



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**8 FEBRUARI 2022**


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 2,069 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 256,599 kes. Sebanyak dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Beaufort dan Keningau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 408 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 241,857 orang. Manakala 1,659 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 764 orang di hospital, 872 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 22 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 30 orang merangkumi 25 di ICU/repurposed kritikal care serta lima (5) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 12 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 23 (18.25%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Sipitang berubah dari zon jingga ke zon merah.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Merah 23 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes baharu bagi negeri Sabah hari ini melepas paras angka 2000 dengan 2069 kes, 469 lebih tinggi daripada kelmarin..
- b. Tujuh (7) daerah mencatatkan kes tiga (3) angka direkodkan hari ini iaitu Kota Kinabalu 395 kes, Sandakan 267 kes, Tuaran 192 kes, Papar 161 kes, Penampang 161 kes, Lahad Datu 137 kes dan Tawau 113 kes. Bilangan daerah yang mencatatkan kes dua (2) angka kekal pada 15 daerah, manakala hanya empat (4) daerah sahaja yang mencatatkan kes satu (1) angka. Satu (1) daerah tidak merekodkan sebarang jangkitan baharu.
- c. 15 daripada 27 daerah di Sabah mencatatkan peningkatan kes dua (2) hingga tiga (3) angka. Antaranya, Papar (+100), Lahad Datu (+80), Ranau (+50), Tuaran (+42), Sipitang (+33), Kota Belud (+32), Telupid (+25), Kota Kinabalu (+24), Kuala Penyu (+24), Penampang (+23) dan Beaufort (+20). Hanya tiga (3) daerah merekodkan penurunan kes baharu, tetapi masih mencatatkan kes harian yang agak tinggi.
- d. Jumlah kes jangkitan sporadik terus bertambah hari ini kepada 1,075 atau 51.96% daripada jumlah kes keseluruhan. Kes-kes yang diperolehi melalui Saringan Bergejala yang tinggi ini satu petanda jelas betapa meluasnya virus COVID-19 telah merebakkan dalam komuniti.
- e. Satu (1) kluster baharu institusi pendidikan diisytiharkan di Kota Marudu hari ini. Kluster Jalan Kebulian melibatkan SMK Kota Marudu 2. Indeks kes adalah seorang warganegara perempuan, 18 tahun yang merupakan pelajar Tingkatan 5 yang tinggal di asrama di sekolah berkenaan. Kes mula bergejala pada 2 Februari 2022 dan didapati positif melalui saringan RTK Ag pada 3 Februari 2022. Kes telah dikuarantin dan diberikan rawatan yang sesuai. Saringan keatas kontak rapat mendapati tujuh (7) orang lagi didapati positif menjadikan jumlah kes positif kumulatif sebanyak 16. Semua mereka yang positif telah dikuarantin dan diberikan rawatan lanjut..

- f. Sejumlah 2,056 (99.37%) daripada 2,069 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2. Terdapat lima (5) kes dalam Kategori 3, enam (6) kes dalam Kategori 4 dan dua (2) kes dalam Kategori 5..
- g. Mengikut statistik, kadar R0/RT bagi Sabah ialah 1.54 yakni lebih tinggi daripada kadar kebangsaan yang hanya 1.32. Ini bermakna kadar penularan COVID-19 di Sabah lebih tinggi dan akan mengakibatkan kadar peningkatan jumlah kes yang lebih tinggi berbanding negeri-negeri lain di negara ini.
- h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (911) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

## ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	10	0.48%
2	Kontak	911	44.03%
3	Bergejala	1,075	51.96%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	73	3.52%
<b>JUMLAH</b>		<b>2,069</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (7 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 7/02/2022	Catatan Kes 8/02/2022	Perbandingan
1	Papar	61	161	+100
2	Lahad Datu	57	137	+80
3	Ranau	32	82	+50
4	Tuaran	150	192	+42
5	Sipitang	6	39	+33
6	Kota Belud	31	63	+32
7	Telupid	4	29	+25
8	Kota Kinabalu	371	395	+24
3	Kuala Penyu	35	59	+24
10	Penampang	138	161	+23
11	Beaufort	54	74	+20
12	Kota Marudu	29	48	+19
13	Beluran	4	23	+19
14	Tawau	99	113	+14
15	Kudat	16	30	+14
16	Semporna	13	24	+11
17	Kinabatangan	12	18	+6
18	Nabawan	0	6	+6
19	Kunak	19	24	+5
20	Tenom	1	6	+5
21	Pitas	3	4	+1
22	Keningau	60	60	Mendatar
23	Kalabakan	2	2	Mendatar
24	Tongod	0	0	Mendatar
25	Putatan	65	39	-26
26	Sandakan	322	267	-55
27	Tambunan	16	13	-3
<b>JUMLAH</b>		<b>1,600</b>	<b>2,069</b>	<b>+469</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	1	177	206	0	11	395	1,934
Sandakan	1	68	194	0	4	267	1,782
Tuaran	0	117	63	0	12	192	1,085
Penampang	0	83	75	0	3	161	971
Papar	0	85	74	0	2	161	545
Lahad Datu	1	46	83	0	7	137	445
Tawau	0	41	63	0	9	113	589
Ranau	0	15	60	0	7	82	374
Beaufort	0	48	26	0	0	74	432
Kota Belud	0	31	32	0	0	63	263
Keningau	0	32	28	0	0	60	212
Kuala Penyu	0	44	15	0	0	59	189
Kota Marudu	7	15	25	0	1	48	411
Putatan	0	10	29	0	0	39	325
Sipitang	0	6	33	0	0	39	72
Kudat	0	7	16	0	7	30	107
Telupid	0	17	12	0	0	29	71
Kunak	0	10	14	0	0	24	130
Semporna	0	12	7	0	5	24	102
Beluran	0	20	3	0	0	23	66
Kinabatangan	0	14	4	0	0	18	95
Tambunan	0	7	5	0	1	13	78
Tenom	0	3	1	0	2	6	49
Nabawan	0	1	5	0	0	6	12
Pitas	0	2	1	0	1	4	20
Kalabakan	0	0	1	0	1	2	4
Tongod	0	0	0	0	0	0	2
<b>JUMLAH</b>	<b>10</b>	<b>911</b>	<b>1,075</b>	<b>0</b>	<b>73</b>	<b>2,069</b>	<b>10,365</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Jalan Pintas Sembulan	1
Kota Marudu	Kluster Jalan Kebulian	7
Sandakan	Kluster Sungai Batang Batu Sepuluh	1
Lahad Datu	Kluster Jalan Terusan	1
<b>Jumlah</b>		<b>10</b>

6 **Satu (1) kluster baharu direkodkan hari ini.**

**Kluster Jalan Kebulian - Kota Marudu** berlaku di SMK Kota Marudu 2. Kluster ini dikesan apabila seorang perempuan, 18, merupakan pelajar Tingkatan 5 dan tinggal di asrama sekolah berkenaan didapati positif COVID- 19 melalui RTK AG pada 03 Februari 2022, selepas bergejala sejak 02 Februari 2022. Bagaimanapun, kes indeks telah dikuarantin dan diberikan rawatan yang sesuai. Jumlah kumulatif bagi kluster jenis institusi pendidikan ini ialah sebanyak 16 kes termasuk tujuh (7) kes baharu yang dilaporkan hari ini hasil daripada aktiviti saringan kontak rapat. Semua kes positif telah dikuarantin dan diberikan rawatan lanjut.

7 Jumlah kapasiti katil 3,869 unit

- Hospital 1,280 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,399 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 42.88%.

**B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 8 FEBRUARI 2022**

i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	2059
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	3
Orang Dalam Tahanan /Banduan	5
<b>Jumlah</b>	<b>2,069</b>

<b>Import A (Jangkitan Luar Malaysia)</b>	
Jerman	2
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

<b>Import B (Jangkitan Luar Sabah)</b>	
WP Labuan	3
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>

ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	2,022
Bukan Malaysia	47
<b>Jumlah</b>	<b>2,069</b>

iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	97
Belum Menerima Vaksin (5-11)	168
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	137
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	1,335
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	332
<b>Jumlah</b>	<b>2,069</b>

iv. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	13
1 to 5	84
6 to 11	168
12 to 17	162
18 to 25	335
26 to 59	1,143
>60	164
<b>Jumlah</b>	<b>2,069</b>

## C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 7 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 9,050. Daripada jumlah ini, seramai 7,574 orang adalah penduduk dewasa, 98 orang adalah penduduk remaja 1,378 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 7 Februari 2022 adalah seramai 2,457,426 orang. Ini meliputi 2,117,444 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.76% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,411,094 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,097,973 orang atau 76.06% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,494 orang atau 77.76% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,121 atau 72.15% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 2,488 atau 0.57% orang telah menerima 1 dos vaksin.

## D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **680,820** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Satu (1) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan PDRM di seluruh Sabah.
  - Satu (1) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis.

- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 181 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 55 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 900 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 254 premis perniagaan dan 267 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 341 Premis Perniagaan melibatkan 176 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan tiga (3) anggota di tiga (3) lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 10 premis, melibatkan tujuh (7) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 112 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 125 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **97.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Marudu	97.8%
2	Tenom	97.8%
3	Kunak	97.8%
4	Kinabatangan	97.7%
5	Semporna	97.7%
6	Papar	97.6%
7	Sipitang	97.6%
8	Ranau	97.6%
9	Kudat	97.6%
10	Kota Kinabalu	97.6%
11	Beaufort	97.6%
12	Beluran	97.6%
13	Keningau	97.6%
14	Tuaran	97.5%
15	Tawau	97.5%
16	Kota Belud	97.5%
17	Lahad Datu	97.5%
18	Sandakan	97.4%
19	Penampang	97.4%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**